

**PENGARUH INDONESIA TERHADAP TEKSTIL  
DI TERENGGANU PADA ABAD KE-19  
(*INDONESIAN INFLUENCE ON TERENGGANU TEXTILE  
IN THE 19<sup>TH</sup> CENTURY*)**

Arba'iyah Mohd Noor  
Norazilawati Abd Wahab  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya

**Abstrak**

Industri tekstil merupakan aktiviti yang mula dirintis oleh masyarakat Terengganu sejak abad ke-18. Pada ketika itu, tenunan songket adalah antara tekstil utama yang dihasilkan sehingga Terengganu berjaya digelar sebagai "*Birmingham of the Peninsula*" menjelang abad ke-19. Sejajar dengan perkembangannya, kegiatan perdagangan mula dijadikan sebagai satu medan untuk mengembangkan industri tekstil. Pada ketika itu, proses perdagangan di Terengganu mula berlaku di seluruh Alam Melayu termasuk Indonesia yang melibatkan beberapa buah wilayah seperti Sumatera, Jawa, Sulawesi dan beberapa daerah di rantau Melayu-Indonesia. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang kewujudan pengaruh Indonesia terhadap tekstil Terengganu pada abad ke-19. Metodologi yang digunakan dalam artikel ialah kaedah kualitatif berdasarkan sumber bertulis seperti manuskrip, buku-buku dan artikel jurnal. Sumber-sumber ini diperkukuhkan dengan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat faktor utama yang mempengaruhi tekstil Terengganu seperti Terengganu sebagai pusat perdagangan dan migrasi penduduk dari wilayah Indonesia. Dua faktor utama ini telah mempengaruhi jenis, corak dan kaedah dalam penghasilan tekstil oleh masyarakat

tempatan. Pengaruh-pengaruh inilah kemudiannya mula diguna pakai oleh masyarakat tempatan untuk menghasilkan tekstil yang lebih berkualiti di Terengganu.

**Kata kunci:** Indonesia, tekstil, Terengganu, perdagangan, abad ke-19.

### *Abstract*

*The textile industry was an activity initiated by the Terengganu community since the 18th century. At that point, songket textiles are among the most accomplished so that Terengganu has been dubbed as the “Birmingham of the Peninsula” by the 19th century. In line with this development, trading activity began to be used as a platform to develop the textile industry. At that point, the process of trading in Terengganu began throughout the Malay world, including Indonesia, which involves several areas such as Sumatra, Java, Sulawesi and some other areas of Malay-Indonesian region. This article aims to discuss the existence of Indonesian influence towards Terengganu textile during the 19th century. The methodology used in this article is qualitative method which based on written sources such as manuscript, books and articles of journals. These sources also reinforced with an interview. The findings show that the main factors that influence of Terengganu textiles such as Terengganu as a trading center and migration of Indonesian population. These two main factors have influenced the types, patterns and methods in the production of textiles by local communities. These influence adopted by the local people to produce better quality of textiles in Terengganu.*

**Keyword:** *Indonesia, textile, Terengganu, trade, 19<sup>th</sup> century.*

### **Pengenalan**

Pada amnya penduduk Terengganu terdiri daripada pelbagai peribumi Melayu, iaitu Melayu Pattani, Kelantan, Daik, Bugis, Borneo dan Riau-Lingga walaupun Earl menyatakan masyarakat di Terengganu “...are genuine Malays”. Pada zaman silam, telah wujud hubungan kekeluargaan di antara Terengganu dengan wilayah-wilayah tersebut disebabkan oleh faktor perkahwinan. Misalnya ketika Sultan Zainal

Abidin I (1725-1733) menerajui Terengganu, hubungan yang rapat mula dijalinan dalam kalangan kerabat Johor-Riau-Lingga dengan Negeri-negeri Melayu Utara yang menganjur hingga ke Patani (Muhammad Yusoff Hashim, 1991, p. 103). Putera baginda, iaitu Sultan Mansur pula telah berkahwin dengan Raja Bulang, anak Sultan Sulaiman (Sultan Johor-Riau) dan memperoleh Sultan Zainal Abidin II (1793-1808). Begitu juga dengan sultan Terengganu seterusnya iaitu Sultan Ahmad II (1876-1881) telah berkahwin dengan Tengku Ampuan Kalsum (Mikrofilem 3861) yang berketurunan daripada Daik, Lingga (Arba'iyah Mohd Noor, 2006, p. 10-13,19). Secara tidak langsung, hubungan kekerabatan ini turut membawa kepada percampuran dan pengaruh terhadap adat, bahasa, gaya hidup, penampilan, pemakaian dan budaya antara mereka.

Selain hubungan kekeluargaan, masyarakat luar juga datang sebagai penghijrah ke Terengganu untuk menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi. Berpaksakan kepada kedudukan Terengganu sebagai laluan perdagangan utama, tidak menutup peluang golongan migrasi menetap di Terengganu yang disifatkan sebagai negeri yang aman damai. Sejajar perkembangan hierarki politik di Terengganu serta kedatangan golongan migrasi, tidak mustahil kedatangan mereka turut membawa pengaruh besar dalam pelbagai aktiviti seni dan kraftangan Terengganu sekitar abad ke-18 hingga abad ke-19. Misalnya dalam aktiviti perusahaan tembaga, perkara ini cukup jelas berlaku ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar (1839-1876).<sup>1</sup> Sebagai langkah merealisasikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber kraftangan, baginda mula membawa tukang dari Daik untuk mengajar masyarakat tempatan dalam aktiviti perusahaan tembaga kuning (*brass*). Clifford turut mencatatkan bahawa:

*“...To the manufacture of the ordinary brass the natives have added an art, which is said to have been taught to them by one of the artisans who were brought from Daik by the Beginda Omar.”*

(H. Clifford, 1992, p. 107-108)

---

<sup>1</sup> Tengku Omar telah ditabalkan sebagai Sultan Terengganu ke-9 dengan gelaran Baginda Omar. Istilah “Baginda” berasal daripada perkataan bahagia anda atau anda yang berbahagia. Arba'iyah Mohd Noor (2006, p. 171).

Jelas, tindakan yang dilakukan oleh Sultan Baginda Omar telah membawa pengertian yang cukup besar. Hal ini demikian kerana tidak sekadar teknik pengajaran tembaga yang dibawa masuk kepada pengusaha tempatan malah motif tembaga dari Daik turut diperkenalkan. Dengan kehadiran tenaga-tenaga ekonomi dari luar, Terengganu mula digelar sebagai “*international trading centre*” (Muhammad Yusoff Hashim, 1991, p. 100).

Sejajar dengan perkembangan ini, titik perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu mula berlaku setelah pengaruh yang dibawa mula dipelbagaikan dari segi teknik pembuatan yang lain seperti pengeluaran tekstil. Peluang ekonomi seperti itu mula dilihat oleh golongan pemerintah sebagai lubuk emas untuk menjana pendapatan dalam tempoh yang singkat.

### **Sorotan Kajian Lepas**

Kajian terhadap tekstil di Terengganu dapat dilihat menerusi beberapa tulisan. Siti Zainon Ismail (1994) dalam “Terengganu Pusat Tenunan: satu Pemerian Koleksi Tekstil Melayu”, mengatakan bahawa telah berlaku pengaruh yang besar dalam aktiviti perusahaan tekstil di Terengganu pada sekitar abad ke-19. Hubungan erat yang terjalin dengan masyarakat Bugis sejak abad ke-17 hingga abad ke-18 secara langsung membuka peluang besar kaedah Telepek berkembang pesat di negeri-negeri tersebut. Malah, permintaan tinggi oleh golongan diraja ke atas kesenian Telepek juga membawa faktor besar kain Bugis berkembang pesat pada ketika itu.

Maznah Mohamad (1996) dalam *The Malay Handloom Weavers A Study of the Rise and Decline of Traditional Manufacture* turut memperihalkan sedikit tentang pengaruh yang dibawa oleh beberapa daerah di Indonesia ke Terengganu seperti Sumatera, Riau, Sulawesi, Jawa dan beberapa daerah yang lain melalui hubungan politik dan perkahwinan yang terjalin antara kerajaan Johor-Riau-Lingga seawal abad ke-17. Hal ini membawa kepada pengaruh dalam perusahaan tekstil di Terengganu seperti kain Bugis, kain Songket dan sebagainya yang merupakan antara tekstil yang cukup giat berkembang di

Terengganu. Ketika aktiviti perdagangan dijalankan, kebanyakan pedagang dari daerah tersebut turut menjadikan kain Songket sebagai komoditi pertukaran yang utama antara pedagang di Terengganu. Oleh sebab hubungan serumpun telah pun terjalin antara kedua-duanya melalui kegiatan perdagangan sejak abad ke-18, maka hal ini memudahkan proses pengaruh mempengaruhi berlaku di Terengganu ketika itu.

Selain itu, tulisan Mubin Sheppard (1949) dalam “A Short History of Terengganu” turut menerangkan tentang pengaruh Indonesia seperti Riau dan Daik dalam aktiviti perusahaan tekstil di Terengganu sekitar abad ke-19. Sejarah perhubungan politik di antara Terengganu dengan Johor-Riau-Lingga pada sekitar awal abad ke-17 ketika zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I membuka lembaran baru dalam hierarki sosial ketika itu, dan diteruskan oleh Sultan Baginda Omar apabila baginda mula mengatur strategi dengan menggalakkan penghijrahan pengusaha dari Riau dan Daik untuk mencurahkan ilmu kraftangan kepada pengusaha tempatan.

Menurut Ahmad Farid Abdul Jalal (2013) dalam *Tenun Pahang Diraja: Warisan, Tradisi dan Falsafah* menyebut bahawa kira-kira 280 tahun dahulu, kemahiran menenun telah dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu dari Kepulauan Sulawesi hasil daripada proses migrasi akibat pencerobohan Belanda ke atas pelabuhan Makasar yang merupakan nadi utama penduduk di kepulauan Sulawesi. Pada ketika itu, tradisi pakaian Melayu terus dikekalkan, malah dilihat semakin berkembang dengan penyerapan beberapa unsur serta pengaruh yang berasal dari wilayah sekitar seperti Aceh, Bugis dan Sumatera.

Secara umumnya, terdapat beberapa penulisan yang turut menyentuh tentang pengaruh Indonesia terhadap tekstil di Terengganu dari sudut seni dan budaya. Namun, kajian yang akan dilakukan ini ingin mengetengahkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya pengaruh tersebut dari sudut sejarah. Penekanan terhadap sejauh manakah pengaruh yang dibawa terhadap kegiatan perusahaan tekstil di Terengganu seharusnya dijadikan perbincangan penting pada masa kini. Bukan istilah “memper-

tahankan warisan tekstil” yang ingin diperjelaskan, namun bentuk hubungan serumpun antara negara luar dalam perusahaan tekstil Terengganu cukup penting untuk diketengahkan untuk melihat sejauh mana pengaruh dari luar berlaku dalam komoditi tekstil yang dihasilkan.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor kewujudan pengaruh wilayah Indonesia terhadap tekstil Terengganu pada abad ke-19. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan pengaruh luar terutamanya dari segi jenis dan corak tekstil termasuk kaedah penghasilannya di Terengganu sehingga perusahaan ini mampu dijadikan sebagai salah satu ekonomi terpenting di Terengganu, dan membawa perubahan yang besar kepada struktur ekonomi masyarakat tempatan.

### **Kaedah Kajian**

Dalam menjalankan kajian, kaedah kualitatif telah digunakan, iaitu dengan meneliti sumber primer dan sekunder yang terdapat di perpustakaan IPTA dan muzium negeri Terengganu. Selain itu, temu bual bersama Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu turut dilakukan bagi mendapatkan kefahaman dan maklumat yang lebih jelas terhadap sejarah dan perkembangan tekstil di Terengganu pada abad ke-19.

### **Tekstil Terengganu**

Tekstil dan pakaian mempunyai peranan istimewa dalam budaya Melayu. Naskhah Melayu tradisional banyak memaparkan tentang *persalinan* yang merujuk kepada pakaian diraja yang cantik dan indah. Menurut Siti Zainon (1990, p. 50 & 52), tekstil Melayu dapat diertikan sebagai kraftangan yang dihasil atau dipakai oleh masyarakat dalam bentuk pakaian harian atau dalam majlis atau acara adat. Tekstil memang tidak dapat dipisahkan daripada proses tenunan dengan menggunakan bahan utama, iaitu benang, warna dan teknik.

Benang yang digunakan adalah daripada kapas, linen, sutera dan bulu binatang. Proses pengeluaran tekstil berkembang daripada teknologi sederhana sehingga melahirkan aneka kraftangan yang berwarna-warni. Proses pengeluaran tekstil pada peringkat awal di Terengganu dilakukan secara peringkat keluarga. Lama-kelamaan, kegiatan perusahaan tekstil mula membawa perkembangan positif apabila turut dijadikan sebagai salah satu komoditi eksport terpenting di Terengganu. Hal ini berikutan kualiti tekstil seperti kain sutera, kain songket, kain sarung (batik) dan sebagainya yang dihasilkan adalah halus dan bermutu tinggi. Ini dapat dibuktikan melalui tulisan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dalam lawatannya ke Terengganu sekitar abad ke-19 yang cukup teruja dengan penghasilan tekstil seperti kain sutera dan sarung yang halus buatannya (Kassim Ahmad, 1981, p. 25).

Gelaran "*Birmingham of the Peninsula*" oleh H. Clifford sekitar 1895 ternyata membawa kesan yang cukup mendalam terhadap industri tekstil di Terengganu. H. Clifford dalam catatannya menyebut bahawa "*Terengganu in 1895 as 'the Birmingham of the Peninsula' and the local craftsmen still produce an appreciable quantity of silks, cotton fabrics and metal works*" (Annual Report Social and Economy Progress, 1933, p. 20). Ini membuktikan bahawa sememangnya pengusaha Melayu di Terengganu memiliki kemahiran tangan yang cukup hebat sehingga tidak mampu ditandingi oleh masyarakat luar yang lain. Pada ketika itu juga, seramai 600 orang penenun eksklusif wanita telah berjaya dilahirkan di Terengganu (MAHA, 1941, p. 43).

Menurut Puan Ramlah, kehebatan pengusaha Melayu Terengganu sememangnya tidak dinafikan, malah kehebatan tersebut dapat dilihat dari pelbagai sudut utama. Selain memiliki kreativiti yang cemerlang, kepandaian menilai sama ada batik yang dihasilkan berkualiti ataupun tidak turut menjadi akar utama pada ketika itu. Bagi seseorang pengusaha yang mahir, perkara yang paling asas dilihat untuk menilai tahap kualiti sehelai kain adalah terletak pada bahagian "kepala kain". Hal ini kerana demikian kepala kain diibaratkan sebagai simbol yang paling penting kerana di situlah terletaknya kualiti kain, motif dan warna yang digunakan dalam penghasilan sehelai tekstil

yang berkualiti tinggi.<sup>2</sup> Azah Aziz juga menyebut kedudukan kepala kain dalam busana menunjukkan status seseorang itu dalam susunan masyarakat. Misalnya, sekiranya kepala kain dibawa ke bahagian rusuk kanan sedikit, ini bermakna pemakainya ialah seorang raja, sultan atau permaisuri. Sekiranya kepala kain dibawa ke bahagian rusuk kiri, pemakainya ialah rakyat biasa. Tambah nilai utama untuk melihat kualiti kain sebenar juga terletak pada garis kaki yang sangat tersusun rapi dan kemas.



**Gambar 1:** Struktur Kain yang Terdapat Pada Sehelai Batik  
Sumber: Ihsan dari Muzium Negeri Terengganu

Secara umumnya, keindahan dan keunikan yang terdapat pada reka bentuk tekstil misalnya batik merupakan hasil pemikiran, teknologi dan selera yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha Melayu pada ketika itu. Tambahan pula dengan penghasilan tekstil melalui penciptaan jiwa, daya cipta dan kepakaran yang halus, batik yang dihasilkan dilihat mempunyai nilai estetik yang cukup tinggi. Seajar dengan perkembangan ini, tekstil mula dijadikan sebagai salah satu bahan eksport terpenting di Terengganu.

Oleh itu, tidak mustahil Terengganu boleh dianggap sebagai sebuah wilayah budaya Melayu yang cukup maju terutama sebagai pusat perkembangan tekstil yang bermutu tinggi serta halus buatannya. Fenomena inilah kemudiannya membawa kewujudan pelbagai pengaruh dan sumber tenaga kerja luar ke Terengganu

---

<sup>2</sup> Hasil temubual dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 22 Julai 2014.



sehingga mendorong berlakunya perubahan besar kepada struktur dan sistem sosial masyarakat tempatan termasuk pengaruh dari beberapa wilayah di Indonesia seperti Sumatera, Jawa, Sulawesi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, unsur-unsur pengaruh yang dibawa masuk dilihat hanyalah sekadar proses transformasi untuk memulakan kehidupan yang lebih stabil sifatnya.

### **Faktor Kewujudan Pengaruh Terhadap Tekstil Terengganu**

Secara umumnya, tekstil mempunyai kepentingan dan kegunaan sebagai pakaian, kain sarung, penutup kepala, buaian, dan penutup jenazah. Oleh sebab kegunaannya yang pelbagai, maka tekstil menjadi bahan dagangan penting. Pelbagai jenis tekstil telah dibawa oleh pedagang Arab-Parsi, China, India ke rantau Alam Melayu sehingga wujud tekstil tempatan. Misalnya kain Cindai (kain *Patola*) telah dibawa dari Gujerat, India ke Alam Melayu. Hal ini telah mempengaruhi pembesar Melayu untuk menjadikannya sebagai contoh bagi tekstil tempatan (Ismail Hussein et. al, 1995, p. 2040). Oleh itu, beberapa wilayah di Indonesia seperti Tanah Jawa menjadi antara kawasan utama menghasilkan kain Cindai atau "*cinde*". Terdapat beberapa faktor kewujudan pengaruh terhadap tekstil Terengganu. Antaranya faktor perdagangan dan migrasi yang menjadi faktor penarik utama sehingga mempengaruhi penghasilan tekstil di Terengganu.

#### **a. Faktor Perdagangan**

Sejak beberapa abad lalu, Tanah Melayu terkenal sebagai sebuah kawasan yang kaya dengan pelbagai produk kraf. Proses asimilasi budaya luar yang berlaku terhadap pelbagai kaum di Tanah Melayu banyak mencetuskan pemikiran baharu dalam inovasi produk kraf sehingga mendapat permintaan tinggi dalam pasaran komersial. Kepentingan tekstil seperti batik, songket serta kain sutera sebagai pakaian merupakan antara faktor utama yang membawa kepada perkembangan kegiatan perdagangan pada ketika itu. Menurut Tome Pires (1944, p. 272), pada zaman kesultanan Melaka, para pedagang dari Koromandel dan Malabar telah memperdagangkan 30 jenis kain termasuk kain yang mahal harganya di Melaka. Mereka bertukar barang dagangan dengan para pedagang dari Sumatera untuk mendapatkan rempah ratus.

Wujudnya perhubungan dagang antara Terengganu dengan negara serumpun seperti beberapa wilayah Indonesia membuka ruang yang cukup besar untuk seni tekstil berkembang sebagai salah satu ekonomi terpenting (Arba'iyah Ab. Aziz, 2010, p. 62).

Dalam konteks sejarah perdagangan di Terengganu, perkembangannya pada peringkat awal banyak berpunca daripada pengaruh Islam sekitar abad ke-14. Pada ketika itu, pedagang-pedagang Islam yang datang ke Terengganu lebih cenderung menggunakan tekstil sebagai barangan pertukaran utama untuk ditukarkan dengan barangan yang lebih sesuai dengan keperluan semasa (Mohd. Anwar Omar Din, 1990: 102). Hal ini menyebabkan Terengganu menjadi pusat perdagangan penting sehingga menggalakkan ramai pedagang luar datang ke Terengganu. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa sumber. Misalnya Kapten Alexander Hamilton yang datang ke Terengganu sekitar 1719 menyebut kegiatan perdagangan yang berlaku telah membawa kepada kemuncak kedatangan pedagang terkenal dari Cina, Siam, Kemboja, Sambas, Bugis dan Jawa ke Terengganu (P. Wheatley, 1966, p. 301).

Di samping itu, Daeng Menampuk” Raja Tua” dari Riau yang pernah ke Terengganu pada sekitar 1725, turut mengatakan bahawa kegiatan perdagangan telah membawa kepada perkembangan bahan-bahan etnografis seperti pakaian dan barang-barang perhiasan yang dihasilkan kalangan masyarakat tempatan. Malah, H. Clifford turut menyebut hubungan perdagangan tekstil di antara Indonesia dan Terengganu telah berlaku sekitar abad ke-19 terutamanya dalam perusahaan kain Bugis (H. Clifford, p. 15).

Kaedah jalinan hubungan perdagangan ini membuktikan bahawa perubahan kebudayaan atau “*culture change*” dalam kalangan masyarakat tempatan telah berlaku secara tidak langsung. Oleh itu, tidak mustahil Khoo Kay Kim berpendapat bahawa Terengganu mampu digelar sebagai “*international trading centre*” kerana kemajuannya dalam kegiatan perdagangan (Khoo Kay Kim, 1974, p. 16). Hasrat golongan elit untuk menjadikan Terengganu sebagai rangkaian perdagangan utama dan pemangkin kemajuan ekonomi

ternyata mampu direalisasikan. Ternyata kedudukan Terengganu dari sudut geografi cukup membuka peluang baik kepada para pedagang untuk terus menjadikannya sebagai destinasi yang utama. Hubungan dagangan tekstil turut mempunyai falsafah atau *world view* yang cukup besar maknanya dalam membawa pengukuhan hubungan serantau antara Tanah Melayu dengan negara luar terutamanya Indonesia. Tidak sekadar itu, sikap toleransi dan keterbukaan masyarakat Melayu dalam menerima pengaruh luar membuktikan bahawa konsep hubungan serantau amat penting ke arah kestabilan ekonomi (Arba'iyah Abd.Aziz, 2011, p. 11-12). Kesannya, tidak sekadar aktiviti perdagangan yang dijalankan, malah pertembungan seni budaya dari luar ke Terengganu turut menular. Misalnya, kain Cindai yang diperdagangkan oleh pedagang dari wilayah Indonesia ke pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu telah mempengaruhi pengusaha tekstil di Terengganu.

#### **b. Faktor Migrasi**

Migrasi atau penghijrahan masyarakat di beberapa wilayah Indonesia ke Tanah Melayu bukanlah suatu perkara yang baru malah telah bermula sejak abad ke-15 lagi, iaitu ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Antara faktor utama berlakunya proses migrasi adalah disebabkan oleh perkahwinan. Misalnya beberapa naskhah Melayu termasuk *Sejarah Melayu* memaparkan hubungan antara Kesultanan Melayu Melaka dengan Majapahit, Rokan, Champa, Sulawesi, Pasai, Bentan, Kampar dan lain-lain telah berlaku sejak dari awal lagi melalui perkahwinan.

Di samping itu, mereka berhijrah ke Terengganu untuk mencari kehidupan yang lebih baik, mahu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan peperangan atau pergolakan yang berlaku di tanah air mereka. Misalnya penghijrah dari Champa datang ke Terengganu selain ke Kelantan setelah tanah air mereka jatuh ke tangan Vietnam pada 1471 (Haziyah Hussin, 2006, p. 29). Begitu juga apabila pelabuhan Makasar dikuasai oleh pihak Belanda sekitar 1669, menyebabkan orang Bugis mula menjadi pelarian ke Riau, Borneo dan Tanah Melayu dengan menggunakan kapal besar di samping turut menjalankan kegiatan perdagangan.

Selain itu, galakan daripada kolonial juga menjadi faktor penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Misalnya, ketika zaman British, proses migrasi ke Tanah Melayu amat digalakkan kerana kaum penghijrah ini dilihat amat berpotensi menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi kapitalis yang diusahakan oleh mereka. Masyarakat berketurunan Jawa, Minangkabau, Bugis, Banjar, Boyan, Kerinchi, Kampar, Rawa, Mandailing, Aceh, Batu Bahara dan sebagainya yang mengenali Semenanjung Tanah Melayu sebagai “tanah sabrang atau tanah seberang” adalah antara yang ramai datang ke Tanah Melayu (Nohafizah Ismail, 2012, p. 1). Mereka bukan hanya berhijrah ke kawasan sebelah utara seperti Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Siam, malah ke sebelah timur termasuk Terengganu yang juga disifatkan sebagai salah satu lubuk rezeki kepada mereka (Nik Haslinda, 2011, p. 5). Memandangkan Terengganu merupakan antara negeri utama yang menjalankan aktiviti berbentuk *maritime* dan *reverine* (pertanian) secara langsung membuka minat masyarakat ini untuk melakukan penghijrahan ke Terengganu kerana menganggap kedua-dua kegiatan tersebut mampu memberikan rezeki lumayan kepada mereka.

Di samping itu, faktor penyebab lain adalah untuk mencari pengalaman hidup selain tradisi merantau seperti yang dilakukan oleh masyarakat Sumatera berketurunan Minangkabau dan Aceh. Tujuannya adalah untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih stabil demi meningkatkan ekonomi keluarga. Mereka akhirnya membina penempatan suku mereka di kawasan baru yang diduduki oleh mereka. Misalnya catatan seorang Portugis pada abad ke-16, Tome Pires dalam *Suma Orientalnya* (1944) turut menunjukkan hubungan di antara orang Jawa dengan Melayu sehingga membina petempatan orang Jawa di Upeh (Barat Laut Sungai Melaka), Parit Jawa dan Kampung Jawa di Johor. Selain itu, Kampung Pulau Tempurung di Kemaman Terengganu merupakan antara kampung yang menjadi tumpuan masyarakat Jawa dalam menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi seperti perniagaan, perikanan, pertanian dan juga perdagangan.<sup>3</sup> Melihat kestabilan ekonomi yang lebih besar sifatnya, masyarakat Jawa mula

---

<sup>3</sup> Hasil temubual dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 22 Julai 2014.

mengambil peluang untuk terus menetap di Terengganu. Malah, terdapat juga dalam kalangan mereka yang berjaya membuka kedai-kedai kecil sebagai permulaan perniagaan (Raja Mohd Affandi, 1977, p. 14).

Selain itu, peranan Sultan Baginda Omar (1839-1876) menggalakkan tenaga pakar yang mahir dalam pelbagai kegiatan perusahaan ke Terengganu ternyata cukup membantu peredaran ekonomi Terengganu. Baginda begitu bijak menggunakan medan perdagangan sebagai asas utama untuk mencapai kejayaan dalam kegiatan perusahaan di Terengganu. Lantaran itu, baginda menggalakkan kehadiran penghijrah luar yang berkemahiran ke Terengganu untuk mengajar rakyat jelata tentang beberapa kemahiran tangan. Faktor ini telah mendorong penghijrahan pelbagai golongan seperti tukang-tukang besi dari Majapahit (H. Clifford, 1961, p. 61 & 78) dan juga pakar dalam pembuatan tekstil dari Sumatera ke Terengganu.

Pada zaman pemerintahan baginda, kain Songket merupakan antara tekstil yang cukup berpengaruh di Terengganu setelah proses penghijrahan berlaku. Mubin Sheppard (1949) menyebut hal tersebut seperti berikut:

*“Kuala Terengganu manufacture of these “gold cloth”<sup>4</sup> was very much influenced by the political connection that Terengganu had with Riau since the seventeenth century. When Baginda Omar acceded Terengganu’s throne in 1837, he encouraged foreign artisan to settle in Terengganu. These artisans came from Daik and Riau, where he formerly resided. The existence of such a historical tie explains the similarities of the textile tradition of these Sumatran centres and Terengganu.”*

Kenyataan Mubin Sheppard ini secara langsung menunjukkan bahawa sekitar abad ke-19, sememangnya terdapat pengaruh yang

---

<sup>4</sup> *Gold of Cloth* atau *Gold Cloth* bermaksud “kain songket”. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan penulisan sejarawan barat, kain songket disebut sebagai “brocade”. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Azah Aziz, *Rupa dan Gaya Busana Melayu*. (2006, p. 22).

besar di antara Terengganu dengan Daik dan Riau. Memandangkan kedua-dua wilayah di Sumatera ini cukup terkenal dengan penggunaan benang emas dalam pembuatan songket, maka baginda telah mengimport sejumlah benang emas dari Sumatera. Hal ini demikian kerana songket benang emas telah mendapat permintaan yang tinggi di pasaran (R.O. Winsted, 1961, p. 169) sehingga Terengganu digelar sebagai "*Birmingham of the Peninsula*" menjelang abad ke-19. Tindakan baginda ini membuktikan bahawa hubungan tenaga serumpun benar-benar wujud di antara Terengganu dengan wilayah Indonesia suatu ketika dahulu. Hal ini dilihat cukup memberikan ruang perkembangan ekonomi pada ketika itu walaupun pengaruh tersebut bukanlah berlaku secara keseluruhannya dalam kalangan masyarakat tempatan.

Faktor perdagangan dan migrasi demi memenuhi keperluan hidup yang kompleks serta mendesak menyebabkan kehadiran masyarakat dari wilayah Indonesia ke Terengganu. Hal ini menjadikan perusahaan tekstil dapat berkembang dengan mudah di Terengganu. Masyarakat penghijrah yang datang bukan sekadar datang berhijrah dan menjalankan kegiatan perdagangan malah turut membawa kepakaran masing-masing ke negeri yang dianggap mempunyai kestabilan ekonomi seperti Terengganu. Walaupun Terengganu telah pun mempunyai kepakaran pengusaha, namun disebabkan hubungan serumpun yang terjalin, unsur-unsur luar tetap diguna pakai dan dipraktikkan untuk menghasilkan produk tekstil yang lebih estetik nilainya. Perkembangan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu di Terengganu dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua bersedia menerima unsur-unsur baharu dalam kehidupan mereka dengan syarat unsur-unsur tersebut haruslah disesuaikan dengan nilai kehidupan dan kelebihan yang ada pada diri mereka pada ketika itu.

### **Jenis, Corak dan Kaedah Menghasilkan Tekstil**

Secara umumnya, tekstil merupakan salah satu simbol perakam sebenar identiti dalam kalangan masyarakat Melayu hasil pertembungan dengan unsur luar seperti Indonesia. Hubungan serumpun yang terjalin sejak dari awal lagi tidak menolak sifat pengaruh-mempengaruhi dari segi jenis dan corak tekstil kerana kedua-duanya

cukup giat menjalankan kegiatan perdagangan. Masyarakat Terengganu mahupun penghijrah saling bertukar-tukar pandangan dan idea dalam penghasilan jenis dan corak pada tekstil mereka. Kewujudan kepakaran semula jadi serta peredaran teknologi dalam kalangan pengusaha Melayu Terengganu telah membawa kesan yang cukup besar terhadap pengaruh yang dibawa.

Proses penghasilan tekstil yang dilakukan oleh kebanyakan pengusaha Melayu seperti mewarna, menenun, menyulam dan mencorak tekstil sememangnya mempunyai pengaruh daripada masyarakat yang berhijrah ke Terengganu. Oleh sebab kebudayaan yang hampir sama, proses asimilasi dan integrasi yang berlaku kepada golongan penghijrah ini telah memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan. Malah, dari segi corak dan warna juga turut dipelbagaikan. Walaupun masih mengamalkan kebudayaan asal masing-masing, namun ikatan serumpun yang terjalin secara langsung membuka peluang yang lebih besar ke arah terbentuknya pengaruh mempengaruhi dalam aktiviti perusahaan tekstil sekitar abad ke-19 (Norhafizah Ismail, 2012, p. 1).

Melalui asimilasi ini masyarakat tempatan mula menerima unsur luar sebagai sebahagian hasil seni yang kreatif dalam tekstil. Proses ini dapat dilihat dari segi keperluan, jenis dan corak dalam penghasilan tekstil tempatan. Memandangkan keperluan yang semakin kompleks terhadap kain sarung yang merupakan pakaian tertua dalam budaya Melayu, hal ini memudahkan ruang pengaruh tersebut tersebar dengan lebih cepat dan meluas. Misalnya kain Batik Jawa dan Kain Aceh (Kain Aceh Rosak) berkembang berikutan keperluan kain sarung yang popular kegunaannya bagi kaum perempuan dan lelaki di Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Haziyah Hussin, 2006, p. 35). Kebiasaannya kain sarung dihasilkan menggunakan kain batik untuk kegunaan harian masyarakat, terutamanya bagi menutup aurat wanita serta kegunaan lain juga. Tidak sekadar kain sarung, kain ini juga dijadikan pakaian seperti baju kebaya labuh yang turut berkembang pada ketika itu. Sekitar abad ke-19, baju kebaya labuh yang berasal dari Surabaya telah dipakai oleh wanita Melayu termasuk wanita Terengganu selain baju kebaya pendek yang sedia ada dipakai oleh masyarakat tempatan (Zaileha Othman, 1996, p. 16).



**Gambar 2:** Contoh Baju Kebaya Labuh  
Sumber: Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi (2003)

Selain itu, jenis-jenis tekstil yang terkenal sejak sekian lama di wilayah Indonesia juga turut dibawa di Terengganu. Antaranya tenunan sutera asli yang terkenal di Sulawesi sejak abad ke-16 lagi, dan juga kain tenun Bugis yang merupakan jenis utama dihasilkan sehingga dikenali di seluruh rantau Alam Melayu (Ismail Hussein, 1995, p. 2039-2040). Selain itu, terdapat pelbagai jenis kain lain yang dihasilkan seperti kain Samarinda, kain Campa, kain Cindai, kain Petak dan sebagainya. Apabila perdagangan dan migrasi berlaku, jenis-jenis kain ini turut dibawa masuk bersama. Kepelbagaian jenis kain ini telah mempengaruhi penghasilan tekstil di beberapa buah negeri Melayu terutamanya di Terengganu selain di Kelantan dan Pahang. Dalam konteks Terengganu, penghasilan kain Bugis yang juga dikenali sebagai kain sutera halus cukup terkenal dalam kalangan pengusaha tempatan. Walaupun jenis kain ini dihasilkan oleh tukang Bugis, namun turut diguna dan dihasilkan di Terengganu dan negeri pantai Timur yang lain. Pada masa yang sama, corak kain Cindai mula diperluaskan di Alam Melayu termasuk berkembang di Terengganu ketika itu. Oleh sebab corak atau motif kain Cindai sangat mudah dihasilkan, maka corak kain tersebut mula berkembang dari wilayah Indonesia ke kawasan pantai timur termasuk Terengganu (Norliza Ramli, 2000/2001, p. 1).



Selain itu, pengusaha tekstil di Terengganu turut menghasilkan kain Petak. Ketika ini kain Petak cukup giat dihasilkan di Bali selain Sumatera, Jawa dan Timur Indonesia sehingga turut mempengaruhi penghasilan kain jenis ini di Terengganu sekitar abad ke-19. Hal ini berlaku disebabkan oleh hubungan perdagangan yang terjalin di antara Terengganu dengan Bali sekitar abad ke-19. Buktinya jelas apabila Bali menggunakan “wang kepeng” (wang Bolong) di Bali dalam urusan perdagangan dan ketika itu hanya Terengganu dan Kelantan sahaja yang menggunakan wang kepeng dalam urusan perdagangan pada abad ke-19 (Laporan Lawatan, 1989).

Di samping itu, kain Samarinda yang berasal dari Kalimantan Timur Indonesia telah mempengaruhi pengusaha tempatan. Kain ini adalah antara kain yang diminati oleh pengusaha tempatan untuk menghasilkannya. Kain tersebut kebanyakannya dijadikan sebagai seluar terutamanya seluar golongan lelaki. Motif jalur dan petak, mempunyai warna yang gelap seperti hitam, biru gelap, ungu dan perang tua menjadikan kain tersebut cukup diminati oleh masyarakat tempatan pada ketika itu.

Selain jenis kain, saling kebergantungan antara mereka juga dapat dibuktikan dengan penggunaan kaedah menghias kain menggunakan prada emas dan perak yang dibawa masuk oleh pedagang Bugis. Kaedah ini dikenali sebagai aktiviti Telepuk yang merupakan satu kaedah menghias dengan menggunakan prada emas dan perak ke atas kain Bugis. Kaedah Telepuk telah diusahakan oleh pengusaha tempatan sejak abad ke-17 setelah dibawa oleh pedagang Bugis dari Sulawesi ke beberapa negeri Melayu seperti Terengganu, Kedah, Selangor, Johor, Pahang dan Kelantan.

Selain itu, teknik Resis yang muncul buat kali pertamanya di Terengganu dan Kelantan pada abad ke-19 adalah daripada pengaruh wilayah Indonesia. Teknik yang dipercayai berasal dari India (teknik *bhadana*) dan China (pelangi sutera) ini telah wujud sejak zaman pemerintahan Srivijaya pada abad ke-14 lagi. (Haziyah, 2006, p. 65). Tekstil Resis yang dikaitkan dengan kain pelangi, batik cop, batik retak seribu, batik stensil dan batik lukis dihasilkan melalui teknik yang

mudah, iaitu teknik ikat celup yang biasa dilakukan pada kain sutera. Sehelai kain yang hendak dicorakkan akan diusahakan dengan cara-cara tertentu supaya terdapat bahagian yang tidak dapat diresap oleh bahan pencelup (*dye*) (Abdullah Jumain Abu Samah, 1982, p. 75).

Di Terengganu, kain Pelangi merupakan kain yg dihasilkan menggunakan teknik resis dan berkembang luas ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin II (1794-1808). Teknik ini diperkenalkan oleh tukang tenun Boyan di Singapura sebelum terdapatnya bahan cetak atau blok batik (blok ukiran kayu) (Haziyah, 2006, p. 65). Pada ketika zaman pemerintahan baginda, Minah Pelangi merupakan pengusaha tekstil Resis yang terkemuka di Terengganu (Mohd. Anwar Omar Din, 1988, p. 37). R.O Winsted berpendapat, kebanyakan motif kain Pelangi atau batik Pelangi yang dihasilkan sekitar abad ke-19 mempunyai persamaan dari segi prosesnya, iaitu dengan menggunakan resis cara ikat sebagaimana terdapat di Indonesia. Menurut beliau lagi, faktor utama yang menyebabkan berlakunya pengaruh dalam penghasilan tekstil ialah perkembangan aktiviti perdagangan yang pesat pada ketika itu (R. O Winsted, 1925, p. 70).

Di samping itu, kaedah menggunakan blok tembaga dalam aktiviti perusahaan batik juga adalah pengaruh dari wilayah Indonesia. Pada abad ke-18 pengusaha Melayu tempatan lebih cenderung menggunakan blok kayu dalam perusahaan batik. Malah pada awal abad ke-20, pengusaha batik masih menggunakan blok kayu. Misalnya pada 1932, Haji Ali bertemu dengan orang Jawa di Singapura untuk mempelajari cara pembuatan batik dan orang Jawa itu telah memberikan blok motif batik daripada kayu lalu dibawa pulang ke Terengganu. Walau bagaimanapun, setelah aktiviti perdagangan dalam kalangan masyarakat Indonesia semakin berkembang di Terengganu, pengaruh penggunaan blok tembaga mula diguna pakai sekitar abad ke-20. Sungguhpun pengaruh penggunaan blok tembaga mula menular ketika itu, namun dari segi motif pada permukaan blok tembaga yang dihasilkan memperlihatkan bahawa motif berbentuk flora seperti pucuk rebung dan bunga-bunga lebih diutamakan oleh penduduk Terengganu.



**Gambar 3:** Contoh Blok Tembaga Bermotifkan Pucuk Rebung  
Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Jelas, terdapat ruang-ruang pengaruh dalam aktiviti perusahaan tekstil di Terengganu. Namun, unsur-unsur daripada pengaruh ini tidak pula diambil sepenuhnya oleh pengusaha Melayu tempatan. Mereka turut berusaha mengubah suai corak mengikut keperluan dan permintaan semasa tempatan. Hal ini menjadikan corak tekstil Terengganu mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri walaupun aspek pengaruh mempengaruhi wujud pada tekstil tersebut.

Terdapat juga sesetengah pengusaha Melayu tempatan tetap mahu mengekalkan idea dan pengolahan mereka sendiri walaupun telah wujud pengaruh dari luar. Hal ini menyebabkan berlakunya perbezaan dalam kalangan pengusaha tekstil ketika penghasilan tersebut dilakukan. Contohnya, penghasilan tenunan sutera asli dari Sulawesi ke Terengganu sekitar abad ke-19. Kebanyakan pengusaha di daerah Sulawesi lebih menggunakan “kain tenunan” untuk menghasilkan sehelai kain seperti kain tenunan Bugis. Walau bagaimanapun, berbeza di Terengganu, kebanyakan pengusaha masih mengekalkan “kain sutera” sebagai asas utama untuk menghasilkan tekstil pada ketika itu selain pengekal motif rasi atau berpetak halus dengan warnanya yang lebih gelap serta pekat (Zainon Ismail, 1990,

p. 53). Penggunaan utama bahan sutera di Terengganu adalah disebabkan oleh kekayaan negeri tersebut dalam penghasilan bahan sutera (Zainon Ismail, 1997, p. 9).


Selain itu, perbezaan juga dapat dilihat dalam penggunaan bau lilin pada penghasilan sehelai batik di Terengganu berbanding dengan batik dari wilayah Indonesia. Lilin yang digunakan oleh pengusaha batik di Terengganu tidak mengandungi bau yang wangi, sebaliknya lebih mengekalkan sifat asalnya, iaitu dihasilkan dengan menggunakan damar. Walau bagaimanapun, lilin yang digunakan di Indonesia berbau agak wangi seolah-olah mempunyai campuran bunga cengkih di dalamnya. Walaupun tekstil tersebut dibilas setelah selesai proses pembuatan, namun wangian tersebut tetap kekal pada kain tersebut (H. Clifford, 1992, p. 15).

Selain itu, sesetengah corak atau motif yang dihasilkan pada tekstil Terengganu turut berbeza dengan yang terdapat pada tekstil dari wilayah Indonesia. Hal ini demikian kerana, kebanyakan motif batik yang dihasilkan di wilayah Indonesia lebih cenderung kepada kepelbagaian gabungan motif, iaitu manusia, fauna (haiwan bernyawa) seperti burung garuda, kumbang, ketam, ikan, unta, kura-kura, ayam dan sebagainya. Penghasilan motif burung garuda banyak berpunca daripada permintaan tinggi oleh masyarakat tempatan di wilayah ini kerana burung garuda diibaratkan sebagai seekor burung yang mempunyai kekuatan dalam kehidupan yang sebenar.<sup>5</sup> Dari segi kaca mata golongan atasan dan masyarakat tempatan, gabungan motif ini melambangkan unsur-unsur saling kebergantungan antara satu sama lain. Bagi mereka, kehidupan manusia dengan kehidupan flora dan fauna cukup erat dan tidak dapat dipisahkan.


Hal ini berbeza dengan motif tekstil Terengganu yang lebih berbentuk flora. Mattiebelle Gittinger menyatakan bahawa setelah kedatangan Islam, motif tekstil mula diubah ke arah motif yang lebih bersifat keagamaan. Misalnya, motif berbentuk flora terutamanya bunga, batang, daun, pucuk, buah dan sebagainya mula dijadikan

---

<sup>5</sup> Hasil temubual bersama Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 22 Julai 2014.




**Gambar 4:** Contoh Motif Batik Burung Garuda  
Sumber: Hamzuri (1981).



**Gambar 5:** Contoh Kain Panjang Surakarta yang Mempunyai  
Kepelbagaian Corak  
Sumber: Joop ave. (1985)

sebagai motif utama dalam pembuatan tekstil terutamanya batik (Haziyah Hussin, 2006, p. 67). Walaupun pengusaha wilayah Indonesia tidak menjadikan motif flora sebagai motif utama, namun di sebalik corak tersebut terselit juga motif berbentuk flora dalam aktiviti perusahaan batik mereka. Misalnya motif pucuk rebung yang merupakan antara motif terkenal di rantau ini pada sekitar abad ke-19. Motif yang digambarkan sebagai konsep *meru* atau gunung ini membawa maksud kekukuhan atau kekuatan dalam hidup bermasyarakat (Joop ave, 1985, p. 61). Oleh itu, tidak mustahil motif pucuk rebung ini cukup terkenal dalam kalangan pengusaha sama ada pengusaha di Terengganu, mahupun di wilayah Indonesia (Zainal Abidin Borhan, 2009, p. 8) seperti Palembang (Erlinda, 2009, p. 348).



**Gambar 6:** Contoh Motif Flora  
Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Walaupun dikatakan pengusaha tempatan dipengaruhi oleh masyarakat penghijrah dalam pelbagai aspek, namun tidak dinafikan juga masyarakat penghijrah juga turut dipengaruhi oleh pengusaha tempatan. Hal ini demikian kerana kebanyakan golongan yang melakukan migrasi di sesebuah negara akan turut mempelajari teknik-teknik pelbagai dalam aktiviti perusahaan yang dilakukan oleh pengusaha terkenal. Sudah tentu tekstil yang dihasilkan oleh pengusaha berpengalaman di Terengganu mempunyai nilai komersial yang cukup tinggi sama ada dari segi corak dan reka bentuk serta warna. Ini akan melahirkan minat dalam kalangan pengusaha luar untuk melakukan inovasi, iaitu “memperbaharui” penghasilan tekstil mereka ke arah yang lebih baik lagi. Ini bermakna, dalam aktiviti perusahaan tekstil, istilah “meniru” tidak wujud antara mereka ketika itu. Pertukaran pandangan dan idea pula adalah untuk memperbaharui penghasilan mereka mengikut teknologi dan permintaan yang tinggi dari masyarakat tempatan mahupun masyarakat luar.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Hasil temubual dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 22 Julai 2014.

## **Rumusan**

Secara umumnya tidak dapat dinafikan terdapat pengaruh penghasilan tekstil di antara beberapa wilayah Indonesia dengan Terengganu pada abad ke-19. Antara faktor yang menyebabkan pengaruh ini berlaku adalah disebabkan oleh kegiatan perdagangan dan migrasi yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Melalui hubungan serumpun ini, maka pertukaran idea serta perubahan dari segi jenis, corak dan kaedah mula berlaku dalam kegiatan tekstil masing-masing. Berbekalkan kreativiti dan inovasi yang sedia ada dalam kalangan pengusaha tempatan, masyarakat pada ketika itu telah pun mengalami satu proses transisi yang mampu dibanggakan. Masing-masing juga telah pun berjaya membentuk identiti dan ciri-ciri pembuatan yang tersendiri dengan pengaruh-pengaruh yang berlaku. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat antara kedua-dua lokasi ini mempunyai nilai hubungan serumpun yang sangat unik dan secara tidak langsung faktor ini kemudiannya membawa satu bentuk ekonomi yang lebih kukuh sifatnya.

---

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Universiti Malaya atas sokongan kewangan terhadap penyelidikan Sub-Program Rumpunisme dalam Sejarah Melayu (RP012A-13SBS), bawah peruntukan penyelidikan Equitable Society Research Cluster (ESRC) dalam menyempurnakan kajian penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

## **Bibliografi**

- Abdullah Jumain Abu Samah. (1982). *Batik: Sejarah, teknik dan keistimewaannya* (satu aspek kajian dalam kesenian Melayu), Disertasi M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ahmad Farid Abdul Jalal. (2013). *Tenun Pahang Diraja: Warisan, tradisi dan falsafah*, Pahang: Penerbitan Eastern Printers Sdn. Bhd.

*Annual report social and economy progress of the people of Trengganu for the Year 1933.*

Arba'iyah Ab. Aziz. (2011). Penyerapan Unsur-unsur Budaya Luar Ke Dalam Reka Bentuk Motif-motif Songket Melayu, International Seminar On Merantau: Imaging Migration in The Malay World. Frankfurt, Germany, 30-31 Mac.

Arba'iyah Ab. Aziz. (2010). "Simbolisme dalam motif-motif songket Melayu Terengganu", Tesis Ph. D, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Arba'iyah Mohd Noor. (2006). 'Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu". dlm. Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (editor), *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ave Joop. (1985). *Glimpses of Indonesia*. Penerbitan Taman Mini Indonesia Indah: Indonesia.

Azah Aziz. (2006). *Rupa dan gaya busana Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azah Aziz (2008). *Passionate proponent of traditional Malay attire and textile*. Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Tuanku Nur Zahirah.

Clifford, Hugh. "A Journey Through the Malay States of Trengganu and Kelantan", *The Geographical Journal*, Jil. 9, No. 1.

Clifford, Hugh. (1961). "Expedition to Trengganu and Kelantan", *JMBRAS*, Jil. 34, No. 1.

Clifford Hugh. (1992). 'Report of an expedition into Trengganu and Kelantan in 1895', *MBRAS*. Jil. 13.

Erlinda Fitriawati, Tenunan Songket Melayu di Palembang, Prosiding Seminar Antarabangsa Tenun Nusantara: Kesenambungan Tradisi dan Budaya, 12-14 Mei 2009, Hotel Vistana Kuantan, Pahang Darul Makmur.



- Gittinger, M. (1985). *Spelindid symbols: Textiles and tadition in Indonesia*, Singapore: Oxford University Press.
- Haziyah Hussin. (2006). *Motif alam dalam batik dan songket Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein et. al (Penyelenggara). (1995). *Tamadun Melayu*. Jilid 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (Penyelenggara). (1981). *Kisah pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kay Kim, Khoo. (1974). "Kuala Trengganu: International trading centre". *Malaysia in History*, Jil. 17, No. 2.
- Laporan Lawatan Rombongan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu ke Bali, Indonesia pada 19 September 1987 sehingga 23 September 1987, *WARISAN, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Cawangan Terengganu. Jil. 5, 1989.
- Maznah Mohamad. (1996). *The Malay handloom weavers a study of the rise and decline of traditional manufacture*. Singapore: Stamford Press Pte. Ltd.
- Mikrofilem 3861. *Salasilah Kesultanan Terengganu*. Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd. Anwar Omar Din. (1990). "Kain tenunan Melayu Kelantan: Suatu sumbangan pengaruh Islam di dalam keperibadian Melayu". *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Jil. 9.
- Mohd. Anwar Omar Din. (1988). 'Kemunculan Tekstil Resis di Kelantan: Satu tinjauan ringkas tentang pengaruh Islam dalam "material culture" Melayu'. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Jil. 7.
- Mohd. Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

- Muhammad Yusoff Hashim. (1991). *Terengganu Darul Iman: Tradisi pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Haslinda Nik Hussain. (2011). Sejarah awal orang Cina di Pulau Pinang: penghijrahan dan penempatan mereka semasa pentadbiran Francis Light, 1786-1794, International Seminar On Merantau: Imaging Migration in The Malay World, Frankfurt, Germany, 30-31 Mac.
- Norhafizah Ismail & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2012). Tenaga serumpun dalam perkembangan awal Kuala Lumpur, Pertengahan Abad ke-19 hingga Awal Abad ke-20, 6<sup>th</sup> International Conference Indonesia-Malaysia Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Airlangga Surabaya, 10-12 Julai.
- Norliza Ramli. (2000/2001). Sejarah tenunan di Terengganu. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kesenian, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Yatim. (1999). "Seni Melayu atau seni Islam?". *PURBA, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bil. 18.
- Pameran Kegemilangan Warisan Telepuk: Splendour of Txtile Gilging Exhibition, Muzium Sultan Alam Shah Selangor, 10 Mei hingga 29 Julai 2007.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (1981). *Serian batik*. Kuala Lumpur: Cetakan Bahagian Daya Cipta.
- Raja Mohd Affandi. (1974). *Perbandaran dan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Terbitan Utusan Melayu (M) Berhad.
- Shaharil Talib Robert. (1977). "The Terengganu ruling class in the late nineteenth century". *JMBRAS*, Jil. 50, No. 2.
- Sheppard M.C. ff. (1949). "A Short History of Terengganu". *JMBRAS*, Jilid 22, No. 3.

- Siti Zainon Ismail. (1990). 'Tekstil Melayu: Sejarah fungsi, simbol dan keindahan', *Malaysia Dari Segi Sejarah. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Bilangan 18.
- Siti Zainon Ismail. (1997). *Tekstil Tenunan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. "Terengganu pusat tenunan: satu pemerian koleksi tekstil Melayu". Bengkel Pakaian dan Tekstil Melayu, Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman Persatuan Muzium Malaysia dengan Kerjasama Jabatan Muzium Negeri Terengganu, 9 hingga 11 Disember 1994.
- Sutherland, Heather. (1978). *The taming of the Trengganu elite*. Yale: University Press London.
- The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA). (1941). *The MAHA Magazine*, vol. XI, No. 1-4.
- Wheatley Paul. (1966). *The golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Winsted, R. O. (1925). 'Malay Industries Part I: Arts and Crafts', dalam R. J Wilkinson (eds), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur, Federated Malay States Government Press.
- Winsted, R.O. (1961). *The Malay a cultural history*. Singapore: Routledge & Kegan Paul LTD.
- Zaileha Othman. (1996). Perkembangan dan perubahan baju kebaya. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan. Falsafah tradisi tenun alam Melayu, Prosiding Seminar Antarabangsa Tenun Nusantara: Kesenambungan Tradisi dan Budaya. 12-14 Mei 2009, Hotel Vistana Kuantan, Pahang Darul Makmur.